



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

SESI TAKLIMAT KEPADA PENIAGA BAGI PROJEK
MENAIKTARAF TAPAK PENJAJA LEBUH KURAU 5,
TAMAN CHAI LENG, PERAI

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

05 MEI 2023 (JUMAAT)
10.00 PAGI

**DEWAN SERBAGUNA
TAMAN CHAI LENG**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy a/l Palanisamy

Timbalan Ketua Menteri (II) Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan Dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Warga Kerja MBSP

Para Peniaga dan Penjaja Tapak Penjaja Lebuh Kurau Lima, Taman Chai Leng

Para penduduk Taman Chai Leng

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini di **Sesi Taklimat kepada Peniaga bagi Projek Menaiktaraf Tapak Penjaja Lebuh Kurau 5, Taman Chai Leng** di Dewan Serbaguna Taman Chai Leng.
2. Izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri (II) Negeri Pulau Pinang; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis Majlis Bandaraya Seberang Perai dan para hadirin sekalian kerana sudi hadir ke sesi taklimat berhubung **Projek Menaiktaraf Tapak Penjaja Lebuh Kurau 5, Taman Chai Leng** pada pagi ini.
3. Tapak Penjaja Lebuh Kurau 5 merupakan pusat penempatan sementara yang telah siap dibina sekitar tahun 1990-an dengan

keseluruhan 100 petak niaga yang menempatkan 90 peniaga dengan konsep petak terbuka berbumbung tanpa bekalan utiliti.

4. Pusat penempatan sementara penjaja ini adalah salah satu lokasi tumpuan pengunjung memandangkan terdapat pelbagai jenis pilihan makanan yang menarik dijual di pusat penjaja ini.
5. Walau bagaimanapun, pusat penjaja sementara ini dilihat semakin uzur dan perlu dinaiktaraf memandangkan lokasi ini juga merupakan salah satu daya tarikan di Taman Chai Leng.
6. MBSP telah menerima cadangan bagi menaiktaraf pusat penempatan penjaja ini sejak tahun 2019. Namun, cadangan ini tidak dapat dilaksanakan dengan segera kerana kekangan kewangan dan pelaksanaan kerja-kerja naiktarf perlu diteliti dengan baik sebelum dilaksanakan.
7. MBSP kini sedang mengatur perancangan bagi menaiktaraf Tapak Penjaja Lebuh Kurau 5, Taman Chai Leng secara keseluruhan bagi memberi keselesaan kepada penjaja dan pengunjung kompleks serta bagi mencapai sasaran Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah

memastikan semua kompleks makanan milik PBT mencapai tahap

Gred A.

8. Skop naiktaraf ini melibatkan pembinaan bangunan baru untuk 90 gerai berukuran 12 kaki x 8 kaki setiap satu di tapak berkeluasan 2,256 meter persegi (6,768 kaki persegi). Setiap gerai akan disediakan kemudahan elektrik dan sumber air.
9. Anggaran keseluruhan kos pembinaan adalah sebanyak RM5 juta. Tender dijadualkan untuk pengiklanan dalam Jun 2023 dan kerja fizikal dijadualkan bermula Oktober 2023.
10. Penjaja-penjaja yang sedia ada akan ditempatkan di sekitar Dewan Serbaguna Taman Chai Leng secara sementara sepanjang tempoh kerja-kerja naiktaraf dilaksanakan.
11. MBSP amat mengharapkan agar semua pihak terutamanya pihak penjaja dapat memberikan kerjasama yang baik kepada MBSP supaya projek naiktaraf ini dijalankan dengan teratur dan siap dalam tempoh yang ditetapkan.

12. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow dan Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy a/l Palanisamy serta semua yang hadir pada hari ini ke **Sesi Taklimat kepada Peniaga bagi Projek Menaiktaraf Tapak Penjaja Lebuh Kurau 5, Taman Chai Leng.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.